



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BUDAYA MASYARAKAT TAMIL DALAM SAJAK BHARATIYAR

UMMA A/P MAZHUBALAN

FBMK 2018 54



BUDAYA MASYARAKAT TAMIL DALAM SAJAK BHARATIYAR

Oleh

UMMA A/P MAZHUBALAN

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Julai 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

*Teristimewa buat ayahanda dan bonda yang sangat
dikasih*

Encik Mazhubalan dan Puan lecthemy,

Pengorbananmu begitu besar buat diriku.

*Doa, kasih sayang dan perhatianmu membantuku
dalam mengharungi*

Setiap kesukaran dalam perjuangan ini.

Terima kasih atas doa dan restumu

Semoga Tuhan merahmatinya

*Buat insan yang sentiasa kasih dan prihatin dengan diri
ini,*

Malati

Loganath

Janarthan

Nehirmathi

Tidak lupa juga buat para pendidikk

Jasa kalian tidak ternilai

Terima Kasih tidak terhingga.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

BUDAYA MASYARAKAT TAMIL DALAM SAJAK BHARATIYAR

Oleh

UMMAA/P MAZHUBALAN

Julai 2018

Pengerusi : Paramasivam Muthuswamy
Fakulti : Bahasa dan Komunikasi

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji budaya masyarakat Tamil dalam sajak Bharatiyar. Walaupun banyak kajian yang berasaskan budaya telah dikaji sebelum ini, tetapi kajian ini merupakan kajian pertama yang mengkaji budaya terutama dalam sajak Bharatiyar. Kajian ini bertujuan mengenal pasti, mengklasifikasikan dan menganalisis budaya dalam sajak Bharatiyar seterusnya menghuraikan budaya tersebut dengan karya. Sebanyak 80 sajak Bharatiyar dipilih sebagai alat kajian utama. Kajian ini berpandukan kepada kaedah kajian perpustakaan, kaedah analisis teks membantu pengkaji mendapatkan sumber maklumat kajian ini. Bertitik tolak daripada pendapat Seeni Naina (2011), kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan unsur-unsur budaya bagi masyarakat yang mengamalkan budaya kerana pengekalan budaya dan penyebaran budaya sangat penting untuk mewariskan budaya tersebut kepada generasi muda. Data-data yang dikumpul, diatur mengikut kategori secara teliti dengan menggunakan teori sosiologi sastera dan Model Pencerminkan Lukacs (1972). Pembuktian teori ini dibuat bersesuaian dengan pokok persoalan kajian yang ditetapkan. Penemuan yang diperolehi, dianalisis dan dikemukakan sebagai kesimpulan. Dapatan kajian dapat memperlihatkan unsur-unsur budaya normatif, budaya ekspresif, dan budaya kebendaan. Selain itu, penemuan kajian ke budaya masyarakat Tamil dalam sajak Bharatiyar dapat dijadikan panduan kepada generasi akan datang dan memberi impak kepada penulis, penyair tempatan untuk menghasilkan karya kreatif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Arts

TAMIL COMMUNITY CULTURE IN THE BHARATIYAR POEMS

By

UMMA A/P MAZHUBALAN

July 2018

Chairman : Paramasivam Muthuswamy
Faculty : Language and Communication

This study aims to analyze Tamil Community Culture in the Bharatiyar poems. Although many cultural-based studies have been come out earlier, this is the first to explore the culture focusing on the poems. This study characterized and analyzed the culture in Bharatiyar's poem thus describing the culture with the work. Bharatiyar's 80 poems were selected as the main tool of study. This study is based on the library research method that helps the researcher obtain information resources. According the opinion of Seeni Naina(2011) this study was conducted to showcase cultural elements for the community to practice the culture as cultural preservation and cultural dissemination are essential to letting the culture to the younger generation. The findings obtained herein are analyzed and presented as conclusions. Collected data, arranged according to the categories carefully by using literary sociology theory and Lukacs mirroring model(1972) .The proof of this theory is made in line with the subject of the study. The findings of this study show normative culture, expressive culture and material culture. In addition, the findings of the study emphasizes that the positive, good values in Bharatiyar's poems can create human capital who will be responsible, virtuous and have visions.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan kesyukuran kepada Tuhan yang Maha Esa atas limpah kurnia dan keyakinan daripada-Nya membolehkan saya menyempurnakan, tesis dengan tajuk Penonjolan Budaya dalam Sajak-sajak Mahakavi Bharatiyar, telah dapat diselesaikan dengan jayanya.

Ucapan penghargaan yang setinggi-tingginya disampaikan kepada Profesor Madya Dr. Paramasivam a/l Muthusamy, dan Dr. Sharil Nizam sejak daripada peringkat cadangan kajian, penemuan kajian sehingga penyelesaian tesis, bimbingan yang amat berharga untuk memperbaiki dan menyempurnakan tesis ini. Segala kritikan dan saranan yang diberikan itu diucapkan dengan penghargaan yang penuh tulus ikhlas.

Kritikan yang membina daripada Dr. Veeramohan a/l Veeraputhiran, yang telah memberikan motivasi dan bimbingan sehingga tesis ini dapat diselesaikan. Idea-idea bernas daripada beliau turut membantu dalam penghasilan tesis ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Malaysia, khususnya Bahagian tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia kerana menganugerahkan Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa dan Kursus Master bagi menyambung pelajaran ke peringkat sarjana secara penyelidikan.

Selain itu, saya juga merakamkan terima kasih kepada pihak Perpustakaan Sultan Abdul Samad, di Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Pengajian India di Universiti Malaya yang telah menyediakan pelbagai kemudahan untuk membolehkan saya menyempurnakan kajian ini. Kepada rakan siswazah UPM yang banyak membantu, terima kasih diucapkan. Tidak ketinggalan, penghargaan juga kepada seluruh sanak keluarga yang telah banyak bersabar dan tabah dalam proses menyiapkan tesis ini. Semoga segala yang telah saya usahakan bermanfaat kepada kita semua.

Akhir sekali saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis ini. Semoga jasa dan budi mereka akan mendapat ganjaran yang terindah.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Paramasivam Muthusamy, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Sharil Nizam Sha'ri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas; tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Umma a/p Mazhubalan, GS36913

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Profesor Madya Dr.Paramasivam Muthusamy

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Dr. Sharil Nizam Sha'ri

JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI TRANSLITERASI	xiii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan kajian	6
1.7 Batasan kajian	7
1.8 Definisi Operasional	7
1.8.1 Budaya	7
1.8.2 Sajak	9
1.8.3 Bharatiyar	9
1.8.4 Masyarakat	10
1.9 Kesimpulan	10
 2 SOROTAN LITERATUR	 11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Perkembangan Sajak <i>Bharatiyar</i> di Tamilnadu, India	11
2.3 Perkembangan sajak <i>Bharatiyar</i> di Malaysia	12
2.4 Kajian tentang Budaya Mengikut Sarjana Tamil	14
2.5 Kajian tentang Budaya Mengikut Sarjana Tempatan	16
2.6 Kajian tentang Budaya Mengikut Sarjana Barat	20
2.7 Kajian Berhubung Dengan <i>Bharatiyar</i>	23
2.8 Kajian yang berkaitan Teori Sosiologi	26
2.8.1 1 Aliran Fungsi Model Pencerminan	27
2.9 Kesimpulan	31
 3 METODOLOGI KAJIAN	 32
3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka bentuk Kajian	32
3.3 Kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis	33
3.3.1 Kajian Kepustakaan	33
3.3.2 Kaedah Analisis Teks	34

3.4	Limitasi kajian	34
3.5	Data Kajian	35
3.5.1	Pembacaan Data	35
3.5.2	Pemilihan Data	35
3.5.3	Pembahagian Data	35
3.6	Kerangka Teori	35
3.7	Pendekatan Sosiologi sastera	37
3.7.1	Aliran Fungsi Model Pencerminkan	38
3.8	Kerangka Konsepsi	38
3.9	Kesimpulan	40
4	DAPATAN KAJIAN	41
4.1	Pengenalan	41
4.2	Unsur – unsur budaya Tamil dalam sajak Bharatiyar	42
4.2.1	Budaya normatif	42
4.2.1.1	Perbincangan budaya normatif	44
4.2.2	Pendefinisian konsep budaya eksprsf	44
4.2.2.1	Perbincangan budaya eksprsf	46
4.2.3	Pengenalan Budaya kebendaan	46
4.2.4	Perbincangan budaya kebendaan	47
4.3	Analisis unsur- unsur budaya Tamil dalam sajak Bharatiyar	47
4.3.1	Perpaduan	48
4.3.1.1	Rumusan	52
4.3.2	Semangat Kebangsaan	53
4.3.2.1	Rumusan	57
4.3.3	Pemimpin	57
4.3.3.1	Rumusan	60
4.3.4	Aspek Wanita	61
4.3.4.1	Rumusan	64
4.3.5	Etika	65
4.3.5.1	Rumusan	70
4.3.6	Cinta	70
4.3.6.1	Rumusan	73
4.3.7	Adat Resam	73
4.3.7.1	Rumusan	76
4.4	Perbincangan budaya eksprsf	76
4.4.1	Agama	76
4.4.1.1	Rumusan	79
4.4.2	Bahasa	79
4.4.2.1	Rumusan	82
4.4.3	Pendidikan	82
4.4.3.1	Rumusan	86
4.5	Perbincangan data berdasarkan budaya kebendaan	86
4.5.1	Alat pekerjaan	86
4.5.1.1	Rumusan	89
4.6	Kesimpulan	89

5	RUMUSAN	90
5.1	Pengenalan	90
5.2	Rumusan Kajian Keseluruhan	90
5.3	Budaya normatif	91
5.3.1	Perpaduan	91
5.3.2	Semangat Kebangsaan	91
5.3.3	Pemimpin	91
5.3.4	Feminisme	91
5.3.5	Etika sosial	92
5.3.6	Cinta	92
5.3.7	Adat Resam	92
5.4	Budaya eksprsif	92
5.4.1	Agama	93
5.4.2	Bahasa	93
5.4.3	Pendidikan	94
5.5	Budaya Kebendaan	94
5.5.1	Ekonomi	94
5.6	Rumusan	94
5.7	Cadangan	95
	BIBLIOGRAFI	97
	LAMPIRAN	107
	BIODATA PELAJAR	112
	SENARAI PENERBITAN	113

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1 Analisis Budaya Sajak Bharatiyar Mengikut Unsur Budaya	34
4.1 Budaya Normatif	43
4.2 Budaya ekspersif	45
4.3 Budaya kebendaan	46
5.1 Rumusan budaya Tamil dalam sajak Bharatiyar	90

SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 Aliran Fungsi Model Pencerminkan Georg Lukacs	28
3.1 Kerangka Teori Dirangka berdasarkan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan Georg Lukac	37
3.2 Aliran Fungsi Model Pencerminkan Georg Lukacs	38
3.3 Kerangka Kajian Dirangka berdasarkan Teori Sosiologi Sastera Model Pencerminkan Georg Lukacs	39

SENARAI TRANSLITERASI

TAMIL

Penggunaan transliterasi nama-nama dan istilah-istilah Tamil melalui translasi bahasa Malaysia adalah berdasarkan kepada sistem transliterasi yang digunakan dalam Tamil Lexicon. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil.

	VOKAL	
அ - a	ஊ - ū	ஓ - ō
ஆ - ā	எ - e	ஔ - au
இ - i	ஏ - ē	ஐ - ai
ஈ - ī	ஐ - ai	
உ - u	ஒ - o	

	KONSONEN	
க - k / g	ங் - ṅ	ய் - y
ச - c	ஞ் - ṇ	ர் - r
ட - ṭ	ண் - ṇ	ல் - l
த் - t	ந் - n	வ் - v
ப் - p	ம் - m	ழ் - ḷ
ற் - ṛ	ன் - ṇ	ள் - ḷ

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Budaya tidak dapat dipisahkan dengan masyarakat yang merupakan salah satu elemen cara hidup manusia dalam sesebuah negara. Budaya adalah cara hidup yang diikuti oleh orang-orang yang menjadi anggota satu-satu kumpulan tertentu dan meliputi sistem sosial, susunan organisasi ekonomi, politik, agama, kepercayaan, adat resam, sikap, nilai, alatan-alatan budaya atau apa-apa yang dihasilkan oleh mereka sebagai anggota sesuatu masyarakat (Aziz Deraman, 1994). Kenyataan ini turut disokong oleh Ahmad Fauzi dan Abdul Rahman (1994), budaya didefinisikan sebagai warisan sosial sesuatu masyarakat, sistem, idea, nilai, pengetahuan, norma, kepercayaan dan adat yang dikongsi bersama oleh semua orang dalam masyarakat.

Selain itu, Edward B. Tylor (1871) dalam memberikan definisi kebudayaan daripada segi antropologi, iaitu kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang mengandungi antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan kebolehan serta kebiasaan (tabiat) yang dimiliki oleh manusia sebagai anggota sesebuah masyarakat. Sehubungan itu, Robert Bierstedt (1970) menyatakan bahawa kebudayaan itu ialah fikiran, perbuatan, yang diamalkan oleh anggota dalam masyarakat.

Selanjutnya, budaya boleh difahamkan sebagai segala penghasilan masyarakat manusia dalam pelbagai bentuk sama ada yang dapat dilihat atau tidak. Perkara ini dapat dilihat melalui kenyataan ahli sosiologi iaitu Eshleman dan Cashion (1985), mendefinisikan budaya sebagai satu sistem idea, nilai, kepercayaan, pengetahuan, norma, adat dan teknologi yang dikongsi oleh semua orang dalam sesebuah masyarakat.

Konsep budaya merupakan satu konsep yang penting untuk membandingkan perbezaan antara suatu masyarakat dengan suatu masyarakat yang lain. Aziz Deraman (1994), menyatakan masyarakat adalah wadah budaya yang membentuk kebudayaan dan kebudayaan pula mengatur kehidupan masyarakat. Kebudayaan dengan masyarakat saling perlu memerlukan dalam kehidupan ini. Jelaslah bahawa budaya dan masyarakat mempunyai kaitan antara satu sama lain.

Ahmad Mat Hassan (2010) mengatakan bahawa bahasa memainkan peranan penting bagi menyampaikan pemikiran sesuatu bangsa tentang kehidupan, sejarah, kesenian, kebudayaan dan apa-apa sahaja dalam elemen-elemen sosio budaya sesuatu bangsa. Menurut Murugan (2013) bahasa juga dikatakan telah menjadi satu kaedah alat yang digunakan oleh umat manusia untuk berkomunikasi sama ada secara lisan ataupun

dalam bentuk tulisan. Bahasa dalam bentuk tulisan bermaksud sam ada bentuk puisi, sajak, surat khabar, majalah dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa bagi menyampaikan sesuatu mesej atau maklumat budaya yang terkandung dalam sajak memainkan peranan penting kepada masyarakat.

Sehubungan itu, sajak memainkan peranan penting untuk mencerminkan budaya yang baik dan wajar menjadi ikutan orang lain atau generasi akan datang. . Justeru pengkaji menjalankan kajian budaya dalam sajak Baharatiyar yang memaparkan himpunan sajak daripada ekspresi pengalaman jiwa penyair tentang kehidupan manusia, alam, tuhan melalui media bahasa yang artistik dan estetik, yang secara padu dan utuh dipadatkan kata-katanya. Dalam kata lain sajak merupakan ungkapan jiwa daripada penulisnya untuk dibaca dan dihayati oleh masyarakat.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam kajian ini, kesusasteraan merupakan keseluruhan cara hidup manusia termasuk hasil ciptaan dan pemikiran yang sesuai dengan kehendak rohani dan jasmani yang menjadi amalan untuk kesejahteraan hidup sesuatu kelompok masyarakat. Ramai dalam kalangan pengkaji sastera hasil ciptaan manusia melalui bahasa yang bersifat seni. Unsur-unsur kesenian itu menceritakan tentang fenomena yang telah, sedang dan akan berlaku dalam sesebuah masyarakat. Hal ini membuktikan sastera dan masyarakat mempunyai pertalian yang kukuh dan sukar dipisahkan dalam kehidupan.

Karya sastera merujuk hasil penulisan yang meninggikan budaya sesuatu masyarakat dan mempunyai unsur pengajaran positif dan mampu memberi satu kesedaran kepada setiap pembacanya. Sajak, novel, pantun, gurindam, cerpen dan seloka antara contoh karya sastera. Menurut Shahrin Ahmad (1991), sastera dengan rasa karib dan mesra ada hubungan dengan masyarakat. Hubungan keakraban dan kemesraan ini, dipandang secara keseluruhan adalah bercorak integral, yang Pervasive. Integral dalam erti kata sastera adalah perlu untuk lengkapkan sesebuah masyarakat.

“.... tanggapan dan sikap terhadap kesusasteraan dari sasterawan kita berubah dari zaman ke zaman sebagai sebahagian daripada arus perubahan sosial yang berlaku dalam masyarakat. Perubahan tanggapan dan sikap ini perlu diperhatikan kerana dari perubahan-perubahan inilah dapat kita camkan arah perkembangan kesusasteraan kita”

(Abu Bakar Hamid,1973)

Berdasarkan pandangan ini, jelas menunjukkan bahawa sastra sangat berkait rapat dengan nilai budaya sesebuah masyarakat. Justeru, hasil kesusasteraan perlu dirakamkan dalam satu bentuk yang boleh dipaparkan untuk dinikmati oleh semua golongan masyarakat dan kesinambungan dari satu generasi kepada generasi berikutnya. Ada banyak penulis karya wujud untuk mencerminkan budaya.

Menurut Sababathy (2007), sajak merupakan bentuk sastra yang terawal muncul di Malaysia iaitu pada penghujung abad ke-19. Pada zaman awal sajak, pengaruh Tamil Nadu, India dan Sri Lanka begitu ketara dapat dilihat dalam tema sajak seperti agama, moral dan etika. Hal ini disebabkan oleh penulis Tamil awal di Malaysia adalah terdiri daripada penghijrah India. Justeru, terdapat persamaan dalam tema. Tetapi dengan kemasukan penyair Bharatiyar dalam dunia puisi Tamil di India pada awal abad ke-20 (1900-1910) tema-tema sajak Tamil betukar coraknya iaitu unsur-unsur reformis dan tema puisi hanya dapat dilihat selepas 1930-an. Tambahan pula, perjuangan kemerdekaan India yang begitu aktif pada awal abad ke-20 mempercepatkan lagi proses pemodenan sajak Tamil. Di Malaysia, penyebaran unsur reformis yang diperkenalkan oleh Bharatiyar dalam sajak Tamil di Malaysia dilakukan oleh orang perseorangan dan akhbar Tamil tempatan. Suasana politik, kedudukan ekonomi, kedudukan sosial menjadi tema utama sajak Tamil Malaysia sehingga hari ini.

Justeru, kemunculan Bharatiyar, dalam bidang sastra membawa fenomena baharu apabila beliau membawa gaya tersendiri. Beliau merupakan seorang pendeta Tamil yang berwibawa dan terkenal menghasilkan sajak moden yang mendapat sambutan ramai. Kebanyakan karyanya bertemakan agama, politik dan sosial serta karyanya telah digunakan secara meluas dalam bidang pendidikan, filem-filem Tamil serta di dalam konsert Musik Klasik Tamil. Bagi Bharatiyar bahasa yang kreatif yang indah bukan sekadar untuk menyatakan fikiran atau mengukur suasana hati seorang penyair. Bahkan juga sebagai alat perakam keanekaragaman pengalaman hidupnya. Setelah lebih 16 tahun berkecimpung dalam bidang sastra. Beliau menghasilkan karya kreatif yang mengungkap pelbagai permasalahan masyarakat.

Bersesuaian dengan latar belakang kajian, kehadiran beliau sebagai penyair dan sumbangannya kepada khazanah sastra Tamil tidak dapat dilupakan dengan mudah. Pencapaian ini diperakui kerana karya beliau mengetengahkan kaedah-kaedah yang berbeza daripada pendekatan barat iaitu lebih cenderung kepada pendidikan, agama, politik dan sosial. Secara jelas Bharatiyar merupakan penyair yang mementingkan pendidikan, agama, politik, sosial dan budaya seperti yang terpancar dalam sebahagian besar sajaknya. Sajak beliau memaparkan unsur - unsur budaya yang merangsangkan individu dan masyarakat .

Pengkaji merumuskan bahawa budaya adalah suatu keseluruhan yang lengkap untuk diamalkan oleh seseorang manusia yang normal kerana yang di dalamnya terkandung agama, ilmu pengetahuan, politik, ekonomi, adat istiadat, dan segala perlakuan sama ada yang tersirat atau tersurat bagi masyarakat.

1.3 Pernyataan masalah

Kajian yang dijalankan ini berpegang kepada prinsip dan kebimbangan mengatakan bahawa keruntuhan akhlak dalam kalangan rakyat Malaysia begitu membimbangkan dan boleh merencatkan kecemerlangan negara. Hal ini diakui oleh Hashim et.al, (2008), bimbang keruntuhan akhlak berlaku dalam generasi muda negara dan mengatakan bahawa karya sastera merupakan sesuatu dokumen yang dapat mengungkapkan pemikiran, falsafah serta pencapaian sesuatu bangsa. Bagi tujuan tersebut akhlak mulia perlu mula disemaikan kepada para pelajar, selaras dengan perubahan yang semakin pesat yang berlaku.

Tidak dapat dinafikan, pelupusan budaya berlaku dan semakin meningkat hari demi hari. Sebagai penyelesaiannya, sajak Bharatiyar sebagai genre Tamil yang digolongkan sebagai sastera Tamil yang tersendiri khususnya tentang budaya masyarakat Tamil yang dapat digambarkan dan terserlah dalam seni kata sajak Bharatiyar. Secara tidak langsung, sajak ini yang penuh elemen positif ini mempunyai hala tuju, pegangan dan kepercayaan serta unsur-unsur budaya dalam kalangan masyarakat Tamil sezaman dapat diperincikan oleh pengkaji.

Saban hari, masyarakat kini sering didedahkan dengan pelupusan budaya dan masalah negatif terutamanya golongan remaja. Kes-kes pereputan budaya seperti vandalisme, gengsterisme, kes merompak dan sebagainya sering terpapar dalam media massa, sehinggakan situasi ini mewujudkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat. Secara amnya, masalah sosial merangkumi pelbagai kegiatan negatif yang membawa kerosakan dan kerugian kepada masyarakat mahupun sesebuah negara (Semparuthi, 2010).

Menurut beliau lagi, pembangunan dan perkembangan sesebuah masyarakat bergantung pada budaya dan nilai komponen budaya itu sendiri. Nilai-nilai budaya sesebuah masyarakat akan menjadi teladan dan pedoman kepada masyarakat itu sendiri.

Seterusnya, generasi muda zaman sekarang dipengaruhi oleh budaya asing sehingga lupa nilai-nilai budaya sendiri yang dapat mengekalkan jati diri bangsa untuk berjaya. Memandangkan pentingnya nilai budaya, dalam sastera Tamil kebanyakan penyair telah menyampaikan syair-syair yang menjadi panduan dan teladan masyarakat Tamil untuk memupuk nilai-nilai budaya yang baik (Vairamuthu 1982). Namun begitu, masyarakat tidak memahami kepentingan karya Tamil ini untuk dijadikan panduan hidup masyarakat.

Selain itu, Seeni Naina (2011) berpendapat bahawa masyarakat Tamil perlu mengikuti dan mengamalkan budaya kerana pengekal budaya dan penyebaran budaya sangat penting untuk mewariskan budaya kepada generasi muda. Sekiranya perkara atau masalah ini berlarutan pada masa akan datang, masyarakat Tamil di Malaysia dikhuatiri melupakan tradisi, adat resam, nilai murni, amalan hidup bermasyarakat dan sebagainya. Penyajak menggunakan pancaindera, fikiran dan perasaan untuk meluahkan isi hati dalam bentuk sajak. Penyajak yang terkemuka tanah air, sentiasa mengungkapkan tema budaya dalam hasil karya mereka dan memberi maksud bahawa masalah budaya dan masyarakat masih wujud dan berlaku sehingga pada hari ini.

Berdasarkan perkara tersebut, jelas terbukti bahawa masalah sosial semakin meruncing terutama dalam kalangan masyarakat India di Malaysia. Sesuatu tindakan harus dilakukan segera bagi membasmi gejala ini. Toh Che leong (2010) mengatakan profesionalisme ini hanyalah dapat dibentuk melalui kempen kesedaran, juga boleh melalui buku, artikel semasa, majalah dan sebagainya untuk membentuk sebuah negara yang berprestij dalam menangani segala masalah dalam kehidupan kita seharian. Kenyataan ini jelas membuktikan sastera akan membina tamadun hebat.

Berdasarkan pendapat Seeni Naina (2011) dan fahaman pengkaji, jelaslah bahawa kajian ini dijalankan untuk memperlihatkan unsur-unsur budaya bagi masyarakat mengamalkan budaya kerana pengekal budaya dan penyebaran budaya sangat penting untuk mewariskan budaya kepada generasi muda. Lantas, sajak Bharatiyar kaya dengan nilai budaya yang wajar disemai dalam semua lapisan masyarakat. 'Bhāratīyār kavitaikal' terbitan Sri Hindhu Publications pada tahun 1998 ini dipilih kerana koleksi yang termuat dalam buku ini lengkap untuk dibaca dan dihayati oleh masyarakat. Justeru, untuk mendapatkan data yang sahih dan representatif, sumber bahan yang relevan dipilih sebanyak mungkin untuk memenuhi kriteria, termasuk kesesuaiannya dengan tajuk kajian ini.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mempunyai beberapa objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Objektif kajian ini adalah untuk :

- 1.4.1 mengenal pasti unsur-unsur budaya Tamil yang menonjol dalam sajak Bharatiyar
- 1.4.2 mengklasifikasikan analisis unsur-unsur budaya Tamil yang menonjol dalam sajak Bharatiyar
- 1.4.3 menganalisis unsur-unsur budaya dalam sajak Bharatiyar

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang dijawab oleh pengkaji melalui dapatan kajian adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah unsur- unsur budaya yang terkandung dalam sajak Bharatiyar?
- 1.5.2 Bagaimanakah unsur- unsur budaya dalam sajak Bharatiyar dapat dijadikan panduan oleh masyarakat Tamil di Malaysia ?

1.6 Kepentingan kajian

Secara umumnya, kajian ini memberi kepentingan kepada individu, dunia sastera, dunia pendidikan, masyarakat, pembaca dan penulis.

Kajian ini dapat mendedahkan dan memberi kesedaran kepada masyarakat tentang hidup dalam keadaan sihat, bahagia dan sejahtera. Setiap individu hendaklah menghayati karya sastera kerana mempunyai khazanah ilmu sosio budaya yang membawa insan ke jalan murni dan bahagia. Hal ini menunjukkan bahwa individu bebas hidup tanpa pekara tidak diingini.

Seterusnya, kajian ini memberi keyakinan dan ketelitian terhadap budaya hidup sendiri dengan meneliti karya klasik Tamil yang kaya dengan panduan hidup yang positif. Pada masa yang sama, kajian ini mampu memberi kesedaran kepada para penulis karya sastera tempatan dan merangsang mereka untuk terus menyumbang ke arah penghasilan karya sastera yang lebih bermutu tinggi untuk dimanfaatkan oleh masyarakat. Secara langsung, usaha ini dapat juga mengembangkan aliran ketulusan pemikiran penulis tempatan khususnya berhubung isu-isu yang dapat diterapkan dalam hasil nukilan mereka. Setiap perkembangan tentang isu-isu yang dilalui oleh penyajak tempatan juga akan dapat dikesan menerusi kajian ini.

Selain itu, manfaat kajian ini dapat diberikan kepada dunia pendidikan kerana memberi impak bahawa sajak Bharatiyar boleh diaplikasikan sebagai sumber sastera utama dalam bidang pendidikan. Sajak Bharatiyar hendaklah diajar di semua peringkat dalam bidang pendidikan iaitu PERMATA, Darjah 1-6, Tingkatan 1- 6 dan Pengajian Tamil di Universiti. Pengajaran dan pembelajaran juga boleh dilakukan melalui modul atau pakej belajar, pembinaan item, bahan bantu mengajar dan sebagainya. Secara tidak langsung, ia akan membentuk sahsiah diri pelajar yang baik menerusi bahan bacaan tersebut. Usaha ini sedikit sebanyak dapat memudahkan penerapan unsur-unsur budaya berlaku dan bertindak untuk mengurangkan gejala sosial dalam kalangan generasi muda.

Seterusnya, kajian ini penting kepada masyarakat kerana memberi kesedaran kepada masyarakat heterogen dalam perpaduan kaum. Dalam pada itu, sajak Bharatiyar mampu memberi sumbangan dari sudut beradab kepada masyarakat untuk mewujudkan semangat bersatu padu dalam kalangan masyarakat majmuk turut serta menghargai pembentukannya kerana masyarakat yang menjauhi unsur-unsur tidak senonoh.

Di samping itu, kajian ini juga memberikan keedaran dan pengajaran kepada pembaca tentang budaya masyarakat yang mudah dilupakan semata-mata untuk menikmati kehidupan sementara yang penuh dengan pelbagai keseronokan dan godaan di sekeliling masyarakat sama ada golongan muda ataupun tua. Dalam hal ini, pengkaji mengharapkan agar pembaca ataupun masyarakat sekarang tidak lalai dan mengenyahkan adat resam, nilai-nilai murni, tradisi yang semakin hari semakin tidak dipedulikan apabila berhadapan dengan kesusahan dan sebagainya.

1.7 Batasan kajian

